

## Tahap Pematuhan Pensijilan Halal Malaysia Dalam Kalangan Pengurus Restoran Makanan Segera Di Negeri Johor

*Compliance Level of Malaysian Halal Certification among Fast Food Restaurant Managers in Johor*

Ahmad Zamri Mohd Idris,<sup>a\*</sup> Aminudin Hehsan,<sup>a</sup> Sakinah Ab. Rahim<sup>b</sup>

<sup>a</sup>*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

<sup>b</sup>*Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author: ahmadzamri@graduate.utm.my

### Article history

Received: 2021-08-23    Received in revised form: 2022-02-16    Accepted: 2022-02-28    Published online: 2022-10-31

### Abstract

Islam requires mankind to consume halal and nutritious food. Therefore, it is the duty of individual to obey this command. With multiple background of races and religions, the Malaysian government through the Islamic Development Department of Malaysia (JAKIM) recognised the halal status of food products in the market via halal certification so that every Malaysian muslim mets this obligation. The halal certificate issued by JAKIM must be complying by the holders and any form of defaults will result in the certificate being revoked. This paperwork presents the findings of a study on 330 fast food restaurant managers in Johor upon their compliant level and gender factor on affecting the respondents' level of halal certification compliant. The study found out that the respondents' level of compliance is high (mean=4.79) where no significant differences of gender ( $p>0.05$ ) towards their compliant level among the respondents.

*Keywords:* halal certification, JAKIM, fast food restaurant chain, gender.

### Abstrak

Islam mensyariatkan umatnya untuk mengambil makanan yang halal lagi baik. Maka menjadi kewajiban terhadap setiap individu untuk mematuhi perintah ini. Sebagai negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, kerajaan Malaysia menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertindak mengiktiraf status halal sesuatu produk makanan yang berada di pasaran bagi memastikan kewajiban ini dipenuhi oleh setiap umat Islam di negara ini. Sijil halal yang dikeluarkan JAKIM perlu dipatuhi oleh setiap pemegang dan sebarang bentuk pengingkaran menyebabkan sijil ditarik balik. Kertas kerja ini membentangkan hasil kajian yang dijalankan ke atas 330 orang pengurus restoran makanan segera di negeri Johor terhadap tahap dan faktor jantina dalam mempengaruhi tahap pematuhan pensijilan halal Malaysia ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pematuhan pensijilan halal dalam kalangan responden adalah tinggi (min=4.79) dan faktor jantina tidak mempengaruhi ( $p>0.05$ ) tahap pematuhan prosedur pensijilan halal dalam kalangan para pengurus ini.

*Keywords:* pensijilan halal, JAKIM, rangkaian makanan segera, jantina.

## 1.0 PENGENALAN

Populasi Muslim di dunia setakat 2010 berjumlah dua bilion (Syed dan Nazura, 2011) dan diunjurkan kepada 22 bilion pada 2030 iaitu 26.4% daripada populasi dunia (Henderson, 2016). Berikutan perkembangan populasi muslim dunia, pasaran halal turut berkembang pesat bagi memenuhi keperluan setiap umat Islam selari dengan pensyariatan Islam untuk mendapatkan pelbagai keperluan hidup yang halal. Pada 2010, pasaran halal dunia mencecah USD150 bilion. Daripada jumlah ini, pasaran makanan halal menyumbang sebanyak USD 1.9 billion dengan negara-negara Timur Tengah dan Asia Tenggara sebagai penyumbang terbesar (Syed dan Nazura, 2011). Manakala pada 2013, pasaran bagi industri pelancongan halal dunia sahaja mencecah USD140 billion (Henderson, 2016). Angka-angka ini membuktikan bahawa pasaran halal dunia mengalami perkembangan yang memberangsangkan dengan negara bukan Islam turut menunjukkan minat untuk memasuki pasaran halal ini. Sehubungan itu, satu garis panduan, modul atau model diperlukan bagi memastikan pasaran halal ini mematuhi prinsip halal yang dianjurkan Islam demi menjaga kesucian agama Islam dan kepentingan umat Islam dan manusia sejagat secara global.

Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang mana kerajaannya sendiri mengambil inisiatif untuk mengiktiraf status halal pelbagai produk di pasaran menerusi kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia (Henderson, 2016). JAKIM membuka peluang kepada penggiat industri sama ada makanan, pembuatan, kosmetik, perhotelan dan sebagainya untuk membuat permohonan bagi mendapatkan sijil halal. Sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM mendapat pengiktirafan dunia menerusi *Codex Alimentarius Commission* oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan model yang diaplikasikan ini digunakan oleh pelbagai negara Islam dan bukan Islam yang berhasrat untuk memasuki pasaran halal dunia (Abdullah, Zubairi, dan Ghani, 2007; Mohd Imran dan Abdul Haleem, 2016). Inisiatif Malaysia ini menginspirasikan negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk turut membangunkan model dan standard halal masing-masing (Abdullah, Zubairi, dan Ghani, 2007). Malaysia turut mewartakan Akta Perihal Dagangan 2011 yang memansuhkan Akta Perihal Dagangan 1972 berkaitan status halal produk-produk di pasaran serta kuasa mutlak JAKIM untuk mengeluarkan sijil halal Malaysia. Akta ini dibaca bersama dengan MS1500:2009 dan standard-standard keselamatan/kualiti makanan antarabangsa dalam hal berkaitan status halal produk dan premis makanan (Anis *et al.*, 2018).

Sehubungan itu, JAKIM menyediakan manual pensijilan halal sebagai panduan kepada pemohon sijil halal bagi memudahkan proses pengeluaran dan pengekalan pegangan sijil halal oleh pemegangnya. Manual terkini yang digunakan ialah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) versi semakan ketiga yang dikeluarkan pada tahun 2014. Manual ini memperinci setiap prosedur yang terlibat dalam proses pensijilan halal yang merangkumi lapan prinsip iaitu i) kebersihan dan keselamatan makanan, ii) ramuan, iii) peralatan atau perkakasan, iv) pembungkusan, v) penyimpanan, vi) pemprosesan, vii) pengangkutan, serta viii) pengurusan sisa (Suhaila, Salmy dan Siti, 2020). Setiap prinsip ini perlu dipatuhi secara praktikal dan didokumentasikan bagi tujuan semakan oleh pegawai JAKIM ketika proses inspeksi bagi tujuan pensijilan halal dibuat.

Pemerolehan sijil halal merupakan satu proses yang rumit, memakan masa dan wang (Ratih *et al.*, 2018). Pemegang sijil bertanggungjawab untuk terus mematuhi prosedur pensijilan halal walaupun sijil telah diperoleh dan JAKIM dengan kerjasama pihak penguatkuasaan bertanggungjawab untuk memantau secara berterusan ke atas pemegang sijil halal (Mohd Aliff *et al.*, 2015; Sharifah

Zannierah, 2016; Anis *et al.*, 2018). Pemantauan secara berterusan ini bagi memastikan pemegang tidak leka dan mengambil mudah isu halal setelah sijil diperoleh sekaligus menjamin produk halal dapat digunakan oleh pengguna berdasarkan hukum syarak.

Penggiat industri makanan di Malaysia yang merangkumi kilang, hotel, restoran dan premis makanan merupakan golongan yang perlu lebih cakna dengan isu halal. Ini disebabkan masyarakat Islam negara ini sangat prihatin dengan isu makanan halal. Logo halal pada bungkus makanan serta memamerkan sijil halal pada premis makanan menjadi pengaruh utama terhadap tingkah laku pembelian (Sri Devie, 2016). Ini disebabkan kewajiban untuk mematuhi syariat Islam yang mewajibkan setiap umatnya untuk makan makanan yang halal dan *tayyib* (Faryat dan Kamran, 2011; Syed dan Nazura, 2011; Tengku dan Ireland, 2012; Mohd Aliff *et al.*, 2015; Hayat, Ahmad dan Zeeshan, 2015; Zakaria *et al.*, 2017). Selain itu, kesedaran masyarakat bukan Islam di negara ini terhadap produk halal turut meningkat dari masa ke masa (Mathew, Adriana dan Siti, 2014; Aiedah, 2014). Kesedaran dan permintaan terhadap produk-produk halal dari kalangan bukan Islam turut meningkat dari masa ke masa di seluruh dunia (Rezai *et al.*, 2010). Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa masyarakat global masa kini lebih faham tentang konsep halal yang dianjurkan Islam.

Justeru, pelbagai syarikat dan premis makanan mengambil langkah proaktif dengan memohon pensijilan halal terhadap produk atau menu yang ditawarkan bagi memastikan jenama mereka dapat bersaing dan digunakan tanpa was-was oleh pengguna. Pemberian sijil halal oleh JAKIM tidak terhenti apabila sijil diperoleh. Sebaliknya, JAKIM dengan kerjasama pihak berkuasa sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan pemegang sijil mematuhi standard yang ditetapkan. Laporan Tahunan JAKIM 2017 menyenaraikan sebanyak sebanyak 2012 kes pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan merangkumi pemantauan berkala (1115 kes, 53%), susulan (10 kes, 0.5%) dan *fast track* (786 kes, 37.4%) manakala penguatkuasaan melibatkan 154 kes (7.3%); aduan sebanyak sembilan kes (0.4%), serta risikan dan pemeriksaan atau operasi sebanyak 28 kes (1.3%). Berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan sepanjang Januari hingga November 2017 ke atas pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), sebanyak 53% pemantauan telah dilakukan ke atas kategori produk makanan dan merupakan jumlah terbesar berbanding skim pensijilan yang lain. Kategori pemantauan yang kedua tertinggi adalah bagi kategori skim pensijilan premis makanan dan hotel iaitu sebanyak 34% (Laporan Tahunan JAKIM, 2017). Antara kes penarikan sijil halal JAKIM yang mendapat perhatian seluruh Malaysia ialah Secret Recipe Manufacturing Sdn Bhd pada Mei 2015. Penarikan sijil tersebut adalah disebabkan oleh pelanggaran prosedur dalam standard GMP (*Good Manufacturing Practice*) (Berita Harian, 2015). Selain itu, Jabatan Agama Islam Perak turut menarik balik sijil halal sebuah premis pemprosesan ayam di Manjung akibat lebihan voltan *stunning* pada Mei 2017 (Noor Hidayah, 2017) serta sebuah premis pemprosesan makanan hasil laut di Hutan Melintang akibat kegagalan menyertakan surat perlantikan penyelia halal pada Januari 2019 (Noor Hidayah, 2019; Mohamad Hafizi, 2019). Justeru, pemilik, pengurus mahupun penyelia kilang, rumah sembelihan atau premis makanan perlu lebih cakna dalam memastikan standard prosedur kerja atau operasi premis mematuhi standard yang ditetapkan.

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap pematuhan pensijilan halal dalam kalangan pengurus rangkaian makanan segera di negeri Johor. Daripada pemerhatian kami, masih kurang kajian seumpamanya yang dijalankan dalam kalangan pengurus rangkaian restoran makanan segera melainkan melibatkan para pekerja (Nadiyah, 2014) dan pengurus restoran persendirian (Sharifah Zannierah, 2016) sedangkan bilangan restoran ini semakin berkembang dari masa ke masa di seluruh Malaysia. Rangkaian restoran makanan segera yang dimiliki syarikat yang dikaji ini sahaja

memiliki lebih 1200 cawangan di seluruh Malaysia. Di Johor sahaja, terdapat hampir 150 cawangan dengan setiap cawangan memiliki sekurang-kurangnya empat orang pengurus yang bertanggungjawab memastikan operasi dan bahan yang digunakan sentiasa mematuhi standard pensijilan halal yang dipegang. Tahap pematuhan serta kesedaran tanggungjawab untuk memastikan restoran yang diuruskan sentiasa mematuhi standard pensijilan halal memboleh rangkaian restoran ini sentiasa mendapat kepercayaan masyarakat Islam memandangkan negeri Johor mencatatkan bilangan penduduk beragama Islam teramai di Malaysia iaitu hampir dua juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Sehubungan itu, menerusi kajian ini, masyarakat Islam terutamanya di Johor dapat menikmati pelbagai menu yang ditawarkan oleh rangkaian restoran makanan segera ini tanpa was-was.

## **2.0 KONSEP MAKANAN HALAL DAN BAIK DALAM ISLAM**

Istilah halal dapat dijelaskan sebagai sesuatu perkara yang diharuskan, yang telah gugur daripadanya ikatan haram dan syariat yang membenarkan perbuatannya. Manakala haram pula dapat difahami sebagai sesuatu perkara yang dilarang oleh syarak daripada melakukannya dengan larangan yang tegas, iaitu tidak boleh berubah sehingga mendedahkan sesiapa yang melanggar larangan itu, akan ada seksaan daripada Allah di hari akhirat dan adakalanya boleh menyebabkan pelaku menerima hukuman yang ditetapkan syariat di dunia (al-Qaradhawi, 2015).

Al-Qaradhawi dalam bukunya, Halal dan Haram dalam Islam (terjemahan Bahasa Melayu, 2015) menyenaraikan empat hal yang berkaitan dengan kehidupan manusia yang dijelaskan tentang halal dan haramnya dalam al-Quran iaitu hal yang berkaitan makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan, institusi kekeluargaan serta pekerjaan. Kertas kerja ini hanya membincangkan konsep halal dan haram dalam hal berkaitan makanan dan minuman sahaja. Al-Qaradhawi (2015) turut menyenaraikan sebelas prinsip Islam berkenaan halal dan haram yang mana perkara ini telah dibahaskan oleh sarjana Islam terdahulu dan terdapat perbezaan antara imam mazhab. Namun, secara dasarnya sebelas prinsip ini ialah;

- i. Hukum asal sesuatu ialah harus – setiap ciptaan Allah adalah demi kepentingan dan kegunaan umat manusia namun hanya beberapa perkara sahaja yang diharamkan seperti yang dijelaskan dalam al-Quran.
- ii. Penentuan halal dan haram adalah hak mutlak Allah – Islam adalah agama Allah dan Dia Maha Mengetahui setiap hikmah disebalik suruhan dan larangan-Nya sedangkan akal manusia dangkal dan dikurniakan dengan ilmu yang sangat sedikit daripada ilmu-Nya.
- iii. Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram bersamaan dengan mensyirikkan Allah – melanggar ketetapan Allah yang jelas lagi nyata seumpama mencabar kuasa dan keagungan Allah sedangkan manusia diciptakan bersifat lemah (*an-Nisa'*, 4:28).
- iv. Pengharaman membawa kepada keburukan dan bahaya – Allah mengharamkan sesuatu perkara bertujuan demi kemaslahatan manusia kerana Dia Maha Mengetahui keadaan manusia yang diciptakan-Nya.
- v. Penggunaan halal tidak lagi berhajat kepada penggunaan haram – Allah menetapkan haram sesuatu perkara dan mengurniakan sesuatu yang halal yang jauh lebih baik bagi mengantikan perkara yang diharamkan-Nya itu demi kebaikan manusia itu sendiri.

- vi. Apa yang membawa kepada perkara yang haram, hukumannya haram – sebarang perkara yang membawa kepada yang haram, ditetapkan fuqaha adalah haram seperti pengharaman zina, perkara-perkara yang menjurus kepadanya adalah haram.
- vii. Haram membuat tipu helah untuk perkara yang haram – tiada alasan atau perbuatan dapat menghalalkan perkara yang telah jelas diharamkan Allah.
- viii. Niat yang baik tidak boleh membersihkan yang haram – niat yang baik kerana Allah dianggap sebagai ibadah namun niat yang baik direalisasikan dengan cara yang salah dan haram tetap hukum haramnya.
- ix. Memelihara diri daripada perkara yang syubhah (sama-samar) – mengelakkan diri daripada terlibat atau mengambil sesuatu yang tidak jelas sumbernya kerana dikhawatir dari sumber yang haram.
- x. Sesuatu yang haram itu tetap haram kepada semua – pengharaman sesuatu perkara adalah ke atas setiap umat manusia; tiada perbezaan antara kaum, warna kulit, pangkat, darjat dan agama.
- xi. Darurat membolehkan sesuatu yang dilarang – darurat dibatasi dengan kadarnya iaitu mengambil sesuatu yang telah jelas haramnya sekiranya hanya itu sahaja yang ada setelah berusaha mencari alternatif lain dan diambil pada kadar tidak melampaui batas (tidak sehingga kenyang).

Prinsip-prinsip ini menjelaskan setiap perintah Allah sama ada larangan (perkara yang haram) maupun suruhan-Nya (perkara yang halal). Antara perkara yang jelas dinyatakan halal dan haramnya oleh Allah dalam al-Quran ialah hal pemakanan. Islam mewajibkan pengambilan makanan yang halal dan *toyyib* (baik) ke atas setiap umat manusia. Pensyariatan ini dengan terang lagi jelas dapat difahami menerusi firman-firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud;

Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu betul hanya beribadah kepada-Nya (al-Baqarah, 2:172).

Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman (al-Maidah, 5:88).

Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata (al-Nahl, 16:114).

Wahai rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan (al-Mu'minun, 23:51).

Kewajiban untuk memakan makanan yang halal dan baik ini bukan hanya tertakluk kepada umat Islam sahaja sebaliknya kepada manusia sejagat. Ini seperti mana yang dapat dilihat menerusi firman Allah yang bermaksud;

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu (al-Baqarah, 2: 168).

Sehubungan itu, menjadi kewajiban untuk setiap umat manusia mematuhi perintah Allah ini. Sesungguhnya setiap suruhan dan larangan Allah adalah semata-mata demi kebaikan manusia sendiri dan Allah tidak pernah berhajatkan sesuatu atau mendapat kepentingan daripada makhluk ciptaan-Nya (al-Baqarah, 2:152; al-Ankabut, 29:6; al-Zumar, 39:7).

Allah yang Maha Mengetahui menerangkan kepada manusia tentang makanan yang halal lagi baik yang perlu dipatuhi umat manusia bagi mengelakkan kekeliruan yang akhirnya menyebabkan manusia mengalah untuk mematuhi perintah ini. Makanan halal dan baik yang digariskan Allah dapat difahami dengan jelas lagi nyata menerusi firman-firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih bukan kerana Allah maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (al-Baqarah, 2:173).

Dihilalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu berihram. Oleh itu, bertqwalah kepada Allah, yang kepada-Nya kamu akan dihimpunkan (al-Maidah, 5:96).

Maka makanlah dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya. Dan tidak ada sebab bagi kamu (yang menjadikan kamu) tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas (al-An'am, 6:118 – 119).

Katakanlah (wahai Muhammad!): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor – atau sesuatu yang dilakukan secara fasik iaitu binatang yang disembelih atas nama lain selain Allah.” Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (al-An'am, 6:145).

Ayat-ayat al-Quran tersebut secara terang lagi jelas menghabarkan tentang binatang yang dihalalkan Allah untuk dinikmati manusia sebagai makanan dengan empat syarat iaitu i) binatang-binatang tersebut mati disembelih atas nama Allah dan bukan dengan niat untuk perkara lain seperti pemujaan dan sebagainya, ii) bukan babi dan keturunannya, iii) bukan bangkai iaitu mati bukan sebab disembelih atas nama Allah, dan iv) darah yang mengalir. Setiap syarat yang ditetapkan ini terkandung hikmah disebaliknya yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia. Allah turut menjelaskan bahawa hidupan laut juga halal untuk dimakan. Selain itu, Allah menegaskan bahawa dalam keadaan darurat (situasi yang boleh mengancam nyawa) dibolehkan untuk manusia memakan apa yang telah jelas diharamkan Allah sekadar untuk mengalas perut (mendapat tenaga untuk meneruskan hidup) dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui setiap perkara dan Maha

Pengampun. Selain daripada binatang, pelbagai tumbuhan juga dihalalkan Allah untuk dimakan oleh umat manusia. Hal ini seperti yang difirmankan Allah dalam al-Quran yang bermaksud;

Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu ‘mann’ dan ‘salwa’, (serta Kami berfirman): “Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu.” Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu) tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri (al-Baqarah, 2:57).

Ayat ni menjelaskan bahawa Allah mengurniakan *mann* (manna) iaitu rembesan cecair seumpama gam daripada jenis pokok Tamarisk di lembah Sinai yang juga dikenali sebagai gam Arab dan salwa iaitu sejenis burung seperti puyuh (Abdullah Yusuf, 1975; Abdullah Muhammad, 2004) yang dihalalkan untuk dimakan oleh manusia. Malah makanan-makanan ini boleh dijadikan penawar atau ubat kepada penyakit yang dihidapi manusia. Antara lain, Allah turut mengurniakan manusia dengan madu yang dihasilkan oleh lebah yang dijanjikan Allah sebagai penawar terhadap pelbagai penyakit. Hal ini disebutkan Allah dalam al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud;

Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkan kepadamu. (dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir (al-An'am, 16:69).

Ayat ini sekaligus menjelaskan penghalalan tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan kepada manusia untuk dimakan dan diambil khasiat daripadanya. Sesungguhnya terlalu banyak nikmat yang Allah turunkan dari langit dan dikeluarkan-Nya dari bumi demi kegunaan dan kebaikan manusia. Setiap kurniaan ini adalah halal untuk dimakan. Selain itu, pengurniaan yang terlalu banyak ini bertujuan supaya manusia menyedari dan mengakui Kebesaran dan Keagungan Allah sekaligus beriman dan bersyukur kepada-Nya. Hal ini disebutkan Allah dalam firman-firman-Nya yang bermaksud;

Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus); dan dari pohon-pohon tamar, dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila iai berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman (al-An'am, 6:99).

Dialah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya (al-Nahl, 16:10).

Walau bagaimanapun, setiap binatang dan tumbuhan yang dihalalkan Allah untuk dimakan ini boleh jatuh haram sekiranya binatang dan tumbuhan ini diproses menjadi sesuatu yang haram seperti anggur diproses menjadi arak. Anggur pada asalnya halal untuk dimakan namun setelah diproses menjadi arak maka hukuman meminum arak ini adalah haram. Pengharaman meminum arak adalah kerana sifatnya yang memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal manusia yang akhirnya boleh menyebabkan manusia melakukan atau terlibat dengan perkara yang memudaratkan

diri sendiri mahupun orang lain (al-Qaradhawi, 2015). Perkara ini ditegaskan Allah dalam firman-Nya yang bermaksud;

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan menilik nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu dari mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil?) (al-Maidah, 5:90 – 91).

Sehubungan itu, konsep makan makanan yang halal dalam Islam telah diperjelaskan secara nyata dalam al-Quran. Makanan yang diklasifikasikan sebagai halal turut diperincikan Allah sebagai panduan kepada umat manusia dalam menjalani kehidupan yang lebih baik dan sihat dengan mengambil manfaat daripada setiap rezeki kurniaan-Nya. Mematuhi perintah Allah untuk makan makanan yang halal dan baik menjadi kewajiban setiap individu dan penggiat industri makanan memainkan peranan penting dalam memastikan kewajiban ini dipenuhi.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan meninjau tahap pematuhan prosedur pensijilan halal dalam kalangan pengurus rangkaian restoran makanan segera di negeri Johor dan signifikan faktor jantina dalam mempengaruhi tahap pematuhan ini. Data dikumpul menerusi edaran soal selidik kepada 330 pengurus sebagai responden kajian (143 lelaki; 187 perempuan). Soal selidik yang dibangunkan adalah berdasarkan manual prosedur pensijilan halal Malaysia semakan ketiga (2014) dan senarai semak audit halal dalaman syarikat yang menguruskan rangkaian restoran responden kajian. Soal selidik ini terdiri daripada 30 item yang mengukur tahap pematuhan menerusi tiga dimensi iaitu i) pemahaman terhadap konsep halal, ii) pematuhan dari aspek syariah, iii) pematuhan dari aspek teknikal. Soal selidik disahkan menerusi satu siri kajian rintis yang melibatkan seramai 30 orang pengurus restoran di sekitar Melaka dan Pahang ( $\alpha$  Cronbach = 0.958). Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22.0.

### **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Hasil analisis deskriptif min mendapati bahawa tahap pematuhan prosedur pensijilan halal Malaysia dalam kalangan responden kajian adalah tinggi iaitu  $min=4.7906$  dengan tahap pematuhan berdasarkan setiap dimensi kajian juga adalah tinggi. Hasil analisis seperti dalam Jadual 1 berikut;

Jadual 1: Tahap Pematuhan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia oleh Responden

Dimensi	Min
Pemahaman konsep halal	4.7758
Pematuhan dari aspek syariah	4.8167
Pematuhan dari aspek teknikal	4.7794
Keseluruhan	<b>4.7906</b>

Bagi melihat signifikan faktor jantina dalam mempengaruhi tahap pematuhan prosedur pensijilan halal Malaysia dalam kalangan responden, analisis ujian t bebas (*independent-sample t-test*) dijalankan. Hasil analisis mendapati bahawa jantina responden tidak mempengaruhi tahap pematuhan prosedur pensijilan halal Malaysia ( $p>0.05$ ) berdasarkan ketiga-tiga dimensi kajian. Hasil analisis seperti dalam Jadual 2 berikut;

Jadual 2: Signifikan Jantina dengan Tahap Pematuhan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia

Dimensi	t	Sig.
Pemahaman konsep halal	0.499	0.619
Pematuhan dari aspek syariah	0.675	0.445
Pematuhan dari aspek teknikal	-0.492	0.623

## 5.0 PERBINCANGAN

Tahap pematuhan prosedur pensijilan halal Malaysia yang tinggi disebabkan beberapa faktor iaitu untuk mematuhi perintah Allah (Tengku dan Ireland, 2010; Sharifah Zannierah, 2016; Zakaria *et al.*, 2017), bersaing di pasaran makanan halal (Mohd Imran dan Abdul Haleem, 2016; Baharuddin *et al.*, 2019) serta menjadi amalan dalam kehidupan seharian (Sharifah Zannierah, 2016). Majoriti responden kajian beragama Islam maka kesedaran dan pemahaman mereka terhadap konsep halal yang dianjurkan Islam adalah tinggi sekaligus mempengaruhi tahap pematuhan mereka dalam proses penyediaan makanan. Selain itu, para pengurus turut menyedari bahawa usaha keras ketika membuat permohonan untuk mendapatkan sijil halal adalah kritikal (Ratih *et al.*, 2018) maka prosedur ini perlu dipatuhi bagi mengelakkan sijil yang dipegang ditarik balik (Sharifah Zannierah, 2016). Pegangan sijil halal juga dilihat sebagai pengiktirafan untuk bersaing dalam pasaran halal sama ada secara lokal atau global. Sehubungan itu, pengurus berusaha mematuhi prosedur pensijilan halal bagi memastikan premis makanan mereka dapat terus bersaing di samping mengekalkan imej yang baik di mata masyarakat (Jabar *et al.*, 2012; Mohd Aliff *et al.*, 2015; Henderson, 2016; Sharifah Zannierah, 2016). Pengurus juga dilihat mengamalkan cara kerja seperti rutin dalam penyediaan makanan. Sesuatu perkara yang telah menjadi rutin dapat dilakukan tanpa perlu difikirkan keperluan dan kepentingannya sebagaimana pengurus sudah terbiasa mengamalkan cara kerja yang bersih dan selamat (antara amal kerja yang dinilai dalam prosedur pensijilan halal oleh JAKIM) maka tidak menjadi satu beban kepada mereka untuk terus mematuhi prosedur pensijilan halal ini (Sharifah Zannierah, 2016).

Kewajiban memenuhi tuntutan agama dipikul oleh setiap individu tanpa mengira jantina kerana al-Quran tidak pernah mengkhususkan mana-mana jantina yang perlu mematuhi syariat ini melainkan jelas Allah menyeru kepada sekalian manusia (al-Baqarah, 2:168). Sehubungan itu, jantina tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap pematuhan prosedur pensijilan halal mahupun keperluan untuk mendapatkan produk-produk halal di pasaran (Sharifah Sakinah, 2018; Suhaila, Salmy dan Siti, 2020).

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa tahap pematuhan prosedur pensijilan halal Malaysia dalam kalangan pengurus restoran makanan segera adalah baik. Malah pematuhan ini tidak berbeza antara jantina yang mana lelaki dan perempuan menyedari tanggungjawab mereka untuk menyediakan makanan halal kepada pelanggan bukan sekadar mengekalkan pegangan sijil halal. Justeru, pelanggan terutamanya yang beragama Islam tidak perlu risau atau was-was untuk menikmati menu-menu yang ditawarkan oleh rangkaian premis makanan segera ini.

Allah mensyariatkan halal dan haram dalam kehidupan adalah bertujuan menguji keimanan manusia kepada-Nya. Walau bagaimanapun, pensyariatan ini demi kemaslahatan umat manusia itu sendiri. Allah dengan sifat-Nya Maha Mengetahui dan Maha Penyayang tidak sekadar memberikan perintah; menyuruh dan melarang sesuatu perkara tanpa sebab dan bimbingan. Pengharaman yang dibuat adalah terang dan dijelaskan dengan nyata perkara-perkara yang diharamkan. Akal yang dikurniakan Allah kepada manusia sebagai makhluk ciptaan-Nya yang dimuliakan pula dapat memikirkan logik natijah di sebalik pensyariatan halal haram ini mahupun menerusi kajian dan eksperimen. Justeru, konsep halal dan haram ini adalah semata-mata demi memartabatkan manusia sebagai makhluk ciptaan yang dimuliakan-Nya.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada para pengurus rangkaian restoran makanan segera yang terlibat dalam kajian ini. Juga kepada pihak JAKIM dan JAINJ atas kerjasama yang diberikan.

## Rujukan

- Abdullah, A., Zubairi, S.I., dan Ghani, M.A. (2007). Halal Food Scenario and Current Status in Malaysia. Paperwork on 10th ASEAN Food Conference 2007. KLCC, Malaysia. 21 – 23 August 2007.
- Abdullah Muhammad. (2004). *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Abdullah Yusuf Ali. (1975). *The Holy Qur'an: Text, Translation and Commentary*. USA: The Muslim Students' Association of The USA and Canada.
- Aiedah Abdul Khalek. (2014). Young Consumers' Attitude towards Halal Food Outlets and JAKIM's Halal Certification in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Science*. 121, 26 – 34.
- Anis Najiha Ahmad, Ungku Fatimah Ungku Zainal Abidin, Mohhidin Othman, dan Russly Abdul Rahman. (2018). Overview of the Halal Food Control System in Malaysia. *Food Control*. 90 (August 2018). 352 – 363.
- Baharuddin Othman, Sharifudin Md. Shaarani, Arsiah Bahron, dan Nurul Hudani Md. Nawi. (2009). Pengaruh Pengurusan Pensijilan Halal, Modal Insan dan Amalan Piawaian Halal terhadap Prestasi Organisasi dalam Industri Makanan Halal di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic Civilizational Studies*. 6(1), 103 – 119.
- Berita Harian (2015). Penarikan Sijil Halal Secret Recipe Bukan Sebab Penggunaan Bahan Haram – JAKIM. Capaian <https://www.bharian.com.my>. Retrieved Date: 26 Mei 2015.
- Faryal Salman dan Kamran Siddiqui. (2011). An Exploratory Study for Measuring Consumers Awareness and Perceptions towards Halal Food in Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*. 3(2), 1 – 13.
- Haron Din, Hassan Salleh, Sulaiman Yasin, dan Sidi Ghazalba. (2003). *Manusia dan Islam (edisi khas)*. Bangi: Penerbit UKM Press.

- Hayat M. Awan, Ahmad Nabeel Siddiquie, dan Zeeshan Haider. (2015). Factors Affecting Halal Purchasing Intention – Evidence from Pakistan's Halal Food Sector. *Management Research Review.* 38(6), 640 – 660.
- Henderson, J.C. (2016). Halal Food, Certification, and Halal Tourism: Insight from Malaysia and Singapore. *Tourism Management Perspectives.* 19(B), 160 – 164.
- Izwan Rozlin. (2021). Kartel Daging Haram Tersungkur. Capaian <https://www.sinarharian.com.my> Retrieved Date: 3 Disember 2021
- Jabar Zaman Khan Khattak, Asif Mir, Zubair Anwar, Hussain Mustatab Wahedi, Ghulam Abbas, dan Humaira Ismatullah. (2012). Concept of Halal Food and Biotechnology. *Advance Journal of Food Science and Technology.* 3(5), 385 – 389.
- Latifah Arifin (2020). Isu Kartel Daging: Tak Boleh Salahkan JAKIM, JAIN. Capaian <https://www.bharian.com.my> Retrieved Date: 23 Disember 2020
- Mathew, V.N., Ardiana Mazura Raudah binti Amir Abdullah, dan Siti Nurazizah binti Mohamad Ismail. (2014). Acceptance on Halal Food among Non-Muslim Consumers. *Procedia – Social and Behavioral Sciences.* 121, 262 – 271.
- Mohd Aliff Abdul Majid, Izhar hafifi Zainal Abidin, Hayati Adlin Mohd Abd Majid dan Chemah Tamby Chik. (2015). Issues of Halal Food Implementation in Malaysia. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences.* 5(6). 50 – 56.
- Mohd Imran Khan dan Abdul Haleem. (2016). Understanding Halal and Halal Certification Accreditation Syatem – Abrief Review. *Saudi Journal of Business and Management Studies.* 1(1), 32 – 42.
- Mohamad Hafizi mohd Said. (2019). JAIPk Tarik Sijil Halal Premis Pemprosesan Makanan Hasil Laut. Capaian <https://www.sinarharian.com.my> Retrieved Date: 3 Disember 2021
- Noor Hidayah Tanzizi. (2019). JAIPk Tarik Balik Sijil Halal. Capaian <https://www.bharian.com.my> Retrieved Date: 16 Januari 2019
- Noor Hidayah Tanzizi. (2017). Tarik Balik Sijil Halal. Capaian <https://www.hmetro.com.my> Retrieved Date: 26 Mei 2017
- Ratih Hendayani, Annisa Sifatul, dan Yuvaraj Ganesan (2018). Factor Analysis of the Hindering Factor in Halal Certification for the SMEs. *The European Proceeding of Social and Behavioural Sciences.* 727 – 730. ISSN: 2357 – 1330.
- Rezai Golnaz, M. Zainalabidin, S. Mad Nasir, dan FC Eddie Chiew. (2010). Non Muslims' Awareness of Halal Principles and Related Food Products in Malaysia. *International Food Research Journal.* 17(3), 667 – 674.
- Sharifah Sakinah Habibah binti Sye Omar. (2018). Assessing the Influence of Demographic Background and Awareness Level of Halal Consumption among Muslim Consumenrs in Kuala Terengganu. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: IIUM.
- Sharifah Zannierah Syed Marzuki. (2016). Halal Certification: A Viewpoint from Malaysian Restaurant Managers. *Asia Pacific Journal of Business Review.* 1(1), 23 – 39.
- Sri Devie Melavanic. (2016). Pengaruh Label Halal dan nformasi Produk terhadap Keputusan Pembelian Produk Coklat Cadbury Diary Milk [Studi Kasus Pasca terdapat Isu DNA Babi (Porcine)]. *Jurnal Manajemen Update.* 5(2), B11111080.
- Suhaila Nadzri, Salmy Edawati Yaacob, dan Siti Syuhada Abd Rahman. (2020). Pematuhan Piawaian Halal dalam Industri Perkhidmatan Katering di Malaysia. *International Journal of Social Science Research.* 2(3), 156 – 174.
- Syed Shah Alam dan Nazura Mohamed Sayuti. (2011). Applying the Theory of Planned Behaviour (TPB) in Halal Food Purchasing. *International Journal of commerce and Management.* 21(1), 8 – 20.

Tengku Akbar bin Tengku Abdullah dan Ireland, J.J. (2012). Halal Products: The Views of Muslim Consumers across Malaysia. *Journal of International Business and Entrepreneurship Development*. 6(3/4), 260 – 273.

Zakaria, Z., Abdul Majid, M.D., Ahmad, Z. dan Zakaria N.Z. (2017). Influence of Halal Certification on Customers' Purchase Intention. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*. 9(5S), 772 - 780.